

## PENGUASAAN KEMAHIRAN VOKASIONAL MURID BERKEPERLUAN KHAS MASALAH PEMBELAJARAN (MBKMP) DI PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI (PPKI) BAGI PERSEDIAAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA

Kama Shaffeei

*Universiti Pendidikan Idris, Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan*

**pakcikma@gmail.com**

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan bagi menilai dan menganalisis tahap penguasaan Kemahiran Vokasional (KV) Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran (MBKMP) di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) bagi persediaan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Objektif kajian ini adalah menghasilkan satu Instrumen Penguasaan Kemahiran Vokasional (IPKV) MBKMP di PPKI. Kaedah kajian yang digunakan ialah secara kuantitatif bagi mendapatkan tahap penguasaan kemahiran vokasional MBKMP. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen melibatkan rujukan pakar dalam bidang berkaitan menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.823 (Komponen KV Masakan), 0.728 (Komponen KV Pertanian) dan 0.948 (Komponen KV Jahitan). Manakala, data kajian rintis melibatkan 30 orang MBKMP di tiga Program Rintis PPKI, KPM Sekolah Menengah di negeri Selangor. Hasil kajian rintis menunjukkan MBKMP menguasai sebanyak 80% dalam KV Masakan, 50% dalam KV Pertanian dan 60% bagi KV Jahitan. Diharapkan kajian ini dapat membantu kesediaan MBKMP dalam penguasaan kemahiran vokasional bagi mengikuti kursus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sebelum ke alam pekerjaan.

**Kata Kunci:** Kemahiran Vokasional (KV), Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran (MBKMP), Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

### PENGENALAN

Tranformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), 2011-2015 merupakan satu anjakan paradigma bagi menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran menuju negara maju pada tahun 2020. Usaha mengarusperdanakan dan meluaskan akses kepada Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang berkualiti penting bagi memenuhi keperluan industri yang memerlukan tenaga mahir. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) tahun 2016-2020 adalah tempoh yang penting menyediakan modal insan berkemahiran yang menyokong peralihan sektor ekonomi ke arah aktiviti berasaskan pengetahuan selari dengan aspirasi negara menuju negara maju pada tahun 2020. Sehubungan dengan itu, Murid Berkeperluan Khas tidak terkecuali dalam menyumbangkan tenaga mahir bersesuaian dengan kebolehan dan tahap keupayaan mereka. Latihan Kemahiran Berasaskan Vokasional penting diberi penekanan bagi MBKMP dalam kurikulum di sekolah terutama di PPKI sekolah menengah supaya mereka menjadi modal insan yang berkemahiran dan berdikari serta boleh

menyumbang dalam pembangunan negara.

Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) perancangan negara Malaysia secara keseluruhan adalah menekankan rakyat yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara dan khususnya peningkatan potensi diri individu selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Menurut IDEA, adalah tidak mencukupi sekiranya pencapaian akademik dijadikan fokus utama untuk golongan berkeperluan khas, yang lebih penting ialah kehidupan berkualiti perlu ada bagi golongan ini. Akta Orang Upaya 2008 (Artikel 28) menyatakan bahawa “Orang kurang Upaya tidak boleh dikecualikan daripada sistem pendidikan umum atas asas ketidakupayaan, dan kanak-kanak kurang upaya tidak boleh dikecualikan daripada pendidikan prasekolah, rendah, menengah dan tinggi, atas kesetaraan dengan orang atau kanak-kanak upaya, termasuk latihan vokasional dan pembelajaran sepanjang hayat”.

Berdasarkan pernyataan dalam Akta Orang Kurang Upaya (2008), jelas menunjukkan bahawa Orang Kurang Upaya termasuk Orang Kurang Upaya Bermasalah Pembelajaran menitikberatkan latihan vokasional bagi membantu mereka hidup

berdikari. Penekanan ini disokong dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan Khas (2013) yang mengkategorikan Murid Bermasalah Pembelajaran salah satu daripada enam kategori Murid Berkeperluan Khas (MBK) yang perlu diberi pendidikan khas yang khusus supaya mereka boleh bersama-sama murid di aliran perdana menerima sistem pendidikan sedia ada yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Kajian ini penting bagi menyokong penglibatan MBKMP dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) dalam mata pelajaran Kemahiran Vokasional Pendidikan Khas yang akan dilaksanakan bermula pada tahun 2017 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM;2016).

### **PENYATAAN MASALAH**

Kurangnya instrumen yang standard untuk mengukur penguasaan kemahiran vokasional murid bermasalah pembelajaran di PPKI (KPM,2013). Penilaian sedia ada hanya berpandukan kepada penilaian berkala oleh guru PPKI. Keperluan instrumen penilaian kemahiran vokasional amat penting bagi membantu MBKMP mengikuti kursus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).Ini bertepatan dengan kenyataan Mc Conkey (1998) bahawa kurikulum pendidikan vokasional perlu diberi penekanan *on job training* supaya memberi peluang kepada mereka untuk bersaing di pasaran pekerjaan kelak.

Sehubungan dengan itu, tiadanya dokumen standard dalam menilai kemasukan Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran (MBKMP) ke Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) bagi mengikuti Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 dan Tahap 2 juga menyebabkan kesukaran dalam memilih calon mengikuti Program SKM Tahap 1 dan 2 di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) di seluruh negara. Instrumen sedia ada hanya melalui ujian bertulis dan ujian lisan tanpa melalui ujian amali kepada bidang yang dipohon oleh MBKMP. Ibadan & State (2011) menyatakan bahawa pendidikan teknik dan vokasional menjurus ke arah kemahiran praktikal dan bidang kemahiran keusahawanan. Oleh itu, perlunya ada elemen kemahiran amali dalam dokumen penilaian kemahiran vokasional MBKMP.

Tiada juga garis panduan dan pengukuran yang jelas dalam menilai MBKMP terhadap penguasaan asas Kemahiran Vokasional juga merupakan faktor ke arah permasalahan kajian penyelidik bagi menghasilkan Instrumen Penguasaan Kemahiran Vokasional (IPKV) yang selaras di peringkat Malaysia bagi membantu KPM memilih calon yang layak ke SMPKV. Menurut kajian Anizam dan rakan-rakan (2013) menyatakan bahawa perlunya ada latihan vokasional sebagai persediaan MBK ke alam pekerjaan disamping sebagai

kemahiran asas mendapatkan pekerjaan yang dipohon.


Justeru itu, Amalan pemilihan MBKMP ke program SKM 1 dan 2 sebelum ini hanya berdasarkan pencapaian akademik dan kursus yang dipohon oleh pihak Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas) Kementerian Pendidikan Malaysia. Oleh itu, perlunya penyelarasan dalam memastikan MBKMP yang benar-benar layak diterima masuk ke Sekolah Menengah Pendidikan Khas. Menurut Zinaida(2009), bidang akademik dan kemahiran vokasional perlu sesuai bagi menjamin masa depan Orang Kurang Upaya (OKU) yang akan bersaing dalam pasaran kerja di masa hadapan.

Disamping itu, keperluan dalam menilai kesesuaian modul kemahiran vokasional yang berkaitan dengan komponen masakan, jahitan, pertanian, perkhidmatan, penyelenggaraan dan kraftangan perlu dilaksanakan menggunakan Instrumen Penguasaan Kemahiran Vokasional (IPKV) supaya selari dengan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1 dan 2. Kajian Zainuddin(2008) menekankan perlunya Kurikulum Pendidikan Khas Murid Bermasalah pembelajaran diberi pendedahan awal di sekolah bagi persediaan mereka alam kerjaya kelak. Kemahiran dalam bidang masakan, jahitan, pertanian, penyelenggaraan, perkhidmatan dan kraftangan perlu ditekankan kerana ia sesuai dengan tahap kefungsi MBKMP di PPKI serta mempunyai hubungan pembelajaran apabila mereka mengikuti kursus SKM kelak.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

- i. Mengenalpasti komponen utama yang terdapat dalam Instrumen Penguasaan Kemahiran Vokasional (IPKV).
- ii. Membangunkan Instrumen Penguasaan Kemahiran Vokasional (IPKV).
- iii. Mengukur kesahan Instrumen Penguasaan Kemahiran Vokasional (IPKV).
- iv. Mengukur kebolehpercayaan Instrumen Penguasaan Kemahiran Vokasional (IPKV).
- v. Menilai tahap penguasaan kemahiran vokasional murid berkeperluan khas (MBKMP).

**Kerangka Konseptual Kajian**



Rajah 1: kerangka konseptual kajian diubahsuai berdasarkan model KIPP(Daniel Stufflebeam,1971)

Berdasarkan Kerangka Konseptual Kajian, Pelaksanaan Kemahiran Vokasional dalam pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di PPKI dijalankan bagi menyediakan MBKMP memperoleh kemahiran asas vokasional. Penilaian melalui Model KIPP (Konteks, Input, Proses dan Produk) dijalankan bagi melihat pelaksanaannya secara menyeluruh di PPKI Sekolah Menengah Negeri Selangor. Penyelidik memfokuskan aspek proses dan produk dalam membina Instrumen Penguasaan Kemahiran Vokasional (IPKV) dalam kajian ini bagi menilai dan menganalisa pencapaian MBKMP di PPKI negeri Selangor.


Kesesuaian model KIPP ini digunakan adalah kerana ia dapat menilai secara keseluruhan aspek dalam pelaksanaan modul Kemahiran Vokasional ini dalam aspek sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan kurikulum yang melibatkan kurikulum itu sendiri, sekolah, guru, ibubapa dan murid itu sendiri. Model KIPP mulai dibentuk pada lewat 60an untuk memenuhi kehendak penilaian yang berorientasikan objektif. Dalam konsep penilaian yang dikemukakan oleh Stufflebeam menyatakan bahawa penilaian seharusnya menjadi "sains pengumpulan maklumat untuk membuat keputusan". Tugas para penilai ialah mengumpul

data, merancang, menganalisis menyediakan maklumat untuk memilih tindakan alternatif dan melaporkan. Menurut beliau, tindakan boleh dibuat dalam empat bahagian iaitu keputusan mengenai persekitaran (konteks), keputusan mengenai sumber (input), keputusan mengenai pelaksanaan (proses) dan keputusan mengenai hasil (produk).

Model Pendidikan Vokasional dan program kerjaya yang dicadangkan oleh Polloway, Patton dan Serna (2001) ini merupakan latihan vokasional berasaskan sekolah. Menurut Polloway, Patton dan Serna (2001), latihan vokasional berasaskan sekolah perlu merangkumi beberapa aspek lain yang membantu latihan vokasional itu sendiri. Ini termasuklah latihan kerja dan serta pengalaman kerja yang memudahkan mereka menyesuaikan diri dengan pekerjaan selepas alam persekolahan.

Teori berasaskan pengalaman oleh David Kolb (1984) yang menekankan pembelajaran melalui pengalaman individu. Ia melibatkan aplikasi teori ke latihan sebenar bagi proses memahami pembelajaran ke arah yang lebih berkesan.

#### *The Experiential Learning Cycle and Basic Learning Styles (Kolb, 1984).*



*Rajah 2: Teori Pembelajaran Pengalaman*

Melalui teori pengalaman ini, pembelajaran berjalan berperingkat-peringkat mengikut pusingan dalam memastikan ia mencapai objektif yang ditetapkan. Dalam peringkat pertama iaitu penumpuan, ia memerlukan keprihatinan yang lebih dalam pembelajaran yang menitikberatkan pengalaman murid bagi sesuatu objektif pembelajaran. Dalam peringkat kedua, murid mengikuti pembelajaran dan refleksi pengajaran dijalankan dengan pemerhatian oleh guru bagi memastikan pembelajaran dapat dikuasai oleh murid. Pada peringkat ketiga, murid perlu memahami abstrak dan sesuatu konsep dalam pembelajaran. Dalam peringkat keempat pula, murid perlu bergiat aktif dalam pembelajaran bagi

mendapat pengalaman untuk menguasai sesuatu objektif pembelajaran. Oleh itu, dalam bidang pendidikan vokasional, pendekatan teori ini amat bersesuaian dalam membantu penguasaan murid serta mereka dapat bersosialisasi sesama mereka, guru serta persekitaran pembelajaran.

Kajian ini juga akan melibatkan pembolehubah-pembolehubah penglibatan guru pendidikan khas, murid pendidikan khas dan penggunaan Modul Kemahiran Vokasional bagi meninjau proses pelaksanaan Kemahiran Vokasional dan pencapaian penguasaan kemahiran MBKMP di PPKI. Sehubungan dengan itu, penggunaan Modul Kemahiran Vokasional (JPN

Selangor,2011) dalam pengajaran terhadap MBKMP diaplikasi bagi melihat pencapaian penguasaan mereka. Keberkesanan pelaksanaan Program Kemahiran Vokasional ini diharapkan dapat memberi peluang dan ruang bagi MBKMP di PPKI ke arah pendidikan transisi ke kerjaya selepas tamat zaman persekolahan kelak.

#### METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian secara adalah kuantitatif. Pembinaan dan pembangunan Instrumen Penguasaan Kemahiran Vokasional (IPKV) dihasilkan dalam kajian ini. Menurut Majid Konting (2005), reka bentuk penyelidikan merupakan satu cara untuk mendapatkan maklumat bagi menyelesaikan masalah. Kajian ini menggunakan instrumen yang dibangunkan oleh penyelidik bagi menilai penguasaan MBKMP sebagai persediaan mengikuti pembelajaran Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

Kesahan kandungan, kesahan muka dan kesahan konstruk IPKV akan dijalankan dengan pengesahan pakar yang terdiri daripada bidang berkaitan yang

terdiri daripada para pensyarah universiti, kakitangan Kementerian Pendidikan Malaysia, guru pakar dan guru cemerlang pendidikan khas. Kebolehpercayaan instrumen menggunakan kaedah ketekalan dalaman Alpha Cronbach.

Sampel bertujuan digunakan bagi mengesan dan menilai pencapaian Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran (MBKMP) di PPKI sekolah menengah negeri Selangor. Sampel kajian melibatkan 70 buah sekolah PPKI di seluruh negeri Selangor. Jumlah MBKMP yang terlibat ialah 560 orang dan guru PPKI seramai 210 orang dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran vokasional.

Instrumen kajian melibatkan Instrumen Penguasaan Kemahiran Vokasional (IPKV) di PPKI yang dibina dalam kajian ini.

#### Dapatan Kajian : Data Kajian Rintis

##### Demografi Sampel Kajian Rintis:

Jadual 1 : Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran (MBKMP)

Bil	Komponen KV	Jumlah MBKMP	Jantina	Umur	Bangsa
1	Masakan	10	10 L	13-14 tahun	10 Melayu
2	Jahitan	10	8L 2P	13-14 tahun	9 Melayu, 1 Cina
3	Pertanian	10	9L 1P	13-14 tahun	10 Melayu

Jadual 1 di atas menunjukkan seramai 30 orang MBKMP dipilih secara sampel bertujuan di tiga sekolah Program Rintis Subjek Kemahiran Vokasional KPM. Komponen KV Masakan melibatkan 10 orang MBKMP terdiri daripada 10 orang murid lelaki, berumur antara 13 hingga 14 tahun dan semua berbangsa melayu. Manakala, Komponen KV Jahitan juga melibatykan 10 orang MBKMP yang terdiri daripada 8 orang lelaki dan 2 orang perempuan yang berumur anatar 13 hingga

14 tahun serta terdapat 9 orang berketurunan Melayu dan seorang berbangsa Cina. Komponen KV Pertanian memperlihatkan 10 orang MBKMP terlibat dan terdiri daripada 9 orang lelaki dan seorang perempuan yang berumur antara 13 dan 14 tahun serta semuanya berbangsa Melayu. Keseluruhan MBKMP ini terlibat secara langsung dalam pembelajaran Kemahiran Vokasional di PPKI.

Jadual 2 : Analisis Pelaksanaan Komponen Kemahiran Vokasional (KV) di Program, Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)

KOMPONEN KV	JUMLAH PPKI	PERATUS (%)
Masakan	23	77
Jahitan	3	10
Pertanian	4	13
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100</b>

*N=30 PPKI*

Analisis Kajian dijalankan kepada 30 orang guru PPKI berkaitan komponen kemahiran Vokasional yang dijalankan dalam pengajaran dan pembelajaran bilik darjah di PPKI. Dapatan kajian menunjukkan 77% PPKI memilih dan melaksanakan komponen Masakan bagi MBKMP berbanding 13% komponen

pertanian dan 10% komponen jahitan. Pemilihan komponen Masakan ini dipilih kerana sebahagian besar kemudahan asas seperti bilik masakan sedia ada dan guru PPKI yang berpengalaman mengajar sebelum ini dalam bidang Kemahiran Hidup.

Jadual 3 : Dapatan Tahap Penguasaan MBKMP Dalam KV

KOMPONEN KV	TAHAP PENGUASAAN MBKMP				Jumlah MBKMP
	Kompeten	Peratus (%)	Tidak Kompeten	Peratus (%)	
Masakan	8	80	2	20	10
Jahitan	5	50	5	50	10
Pertanian	6	60	4	40	10
<b>Jumlah</b>	<b>19</b>	<b>63</b>	<b>11</b>	<b>37</b>	<b>30</b>

*N=30 orang*

Merujuk Jadual 3, Pemilihan MBKMP dipilih melalui PPKI rintis KPM yang menjalankan pembelajaran subjek Kemahiran Vokasional di tiga sekolah yang berasingan. Tahap penguasaan MBKMP dalam pembelajaran Kemahiran Vokasional di PPKI menunjukkan komponen masakan, jahitan dan pertanian diajar di PPKI.

Data Kajian rintis melibatkan 30 orang MBKMP dan masing-masing seramai 10 orang mewakili setiap komponen. Komponen Masakan menunjukkan 80% MBKMP kompeten berbanding 20% tidak kompeten. Manakala, komponen jahitan pula, sebanyak 50% kompeten dan 50 % tidak kompeten. Komponen Pertanian pula

menunjukkan 60% MBKMP kompeten berbanding 40% tidak kompeten di PPKI.

**Pengesahan Pakar bagi Item Instrumen Penguasaan Kemahiran Vokasional (IPKV ) mengikut Komponen Kemahiran Vokasional (KV)**

Pengesahan item IPKV melibatkan sembilan orang pakar seperti Jadual 4 di bawah bagi mengesahkan kandungan item mengikut komponen kemahiran vokasional masakan, pertanian dan jahitan.

Jadual 4: Senarai Pengesahan Pakar Bagi IPKV

Bil	Pakar	Bidang	Jumlah
1	IPTA	Pendidikan Teknik dan Vokasional	1

		Pendidikan (Pendidikan Khas)	1
2	IPG	Pendidikan (Pendidikan Khas)	1
3	KPM	Pendidikan (Pendidikan Khas)	1
4	Guru Cemerlang	Pendidikan (Pendidikan Khas)	2
5	Guru PPKI (Subjek KV)	Pendidikan (Pendidikan Khas)	3
		<b>Jumlah</b>	<b>9</b>

*N=9 orang*

Merujuk Jadual 4 Pengesahan pakar bagi IPKV melibatkan sembilan pakar yang dipilih bagi membantu mengesahkan item IPKV. Item IPKV terdiri daripada tiga komponen utama iaitu masakan,

pertanian dan jahitan. Ketiga-tiga komponen mempunyai item yang berbeza mengikut bidang kemahiran yang diuji kepada MBKMP.

*Jadual 5: Tahap Kebolehpercayaan Item dalam Instrumen Penguasaan Kemahiran Vokasional (IPKV)*

<b>Bil</b>	<b>Komponen KV</b>	<b>Cronbach's Alpha</b>	<b>Bil. Item (N=72)</b>	<b>Tahap Kebolehpercayaan dan kesahan IPKV</b>
<b>1</b>	<b>Masakan</b>	<b>0.823</b>	<b>15</b>	<b>Tinggi</b>
<b>2</b>	<b>Pertanian</b>	<b>0.728</b>	<b>19</b>	<b>Tinggi</b>
<b>3</b>	<b>Jahitan</b>	<b>0.948</b>	<b>38</b>	<b>Sangat tinggi</b>

*N=72 item*

Merujuk Jadual 5, Dalam komponen masakan bilangan item yang diuji adalah sebanyak 18 item. Walaubagaimanapun tiga item digugurkan iaitu item soalan 1, 11 dan 17. Setelah pengesahan pakar dan dianalisis melalui *rebiability item* dan Alpha Cronbach didapati hanya 15 item mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.823 seperti dalam Jadual 4 dan sesuai diuji kepada MBKMP dalam kajian yang sebenar.

Sehubungan dengan itu, dalam komponen pertanian bilangan item yang diuji adalah sebanyak 25 item. Walaubagaimanapun enam item digugurkan iaitu item soalan 20 hingga 25. Setelah pengesahan pakar dan dianalisis melalui *rebiability item* dan Alpha Cronbach didapati hanya 19 item mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.728 seperti dalam Jadual 5 dan sesuai diuji kepada MBKMP dalam kajian yang sebenar.

Manakala, dalam komponen jahitan pula, bilangan item yang diuji adalah sebanyak 38 item.

Walaubagaimanapun semua item sesuai diuji dan dipilih serta tiada item yang digugurkan.

Setelah pengesahan pakar dan dianalisis melalui *rebiability item* dan Alpha Cronbach didapati semua 38 item mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang sangat tinggi iaitu 0.948 seperti Jadual 5 dan sesuai diuji kepada MBKMP dalam kajian yang sebenar.

Kesimpulannya, sebanyak 72 item IPKV dalam kajian ini sesuai bagi mengukur tahap penguasaan kemahiran vokasional MBKMP dalam pembelajaran komponen masakan, pertanian dan jahitan di PPKI. Justeru itu, Ia juga sesuai bagi menilai tahap kebolehan MBKMP dan kesediaan bagi mengikuti kursus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) kelak.

#### **RUMUSAN**

Penguasaan Kemahiran Vokasional MBKMP di PPKI penting bagi menyediakan mereka mengikuti kursus Sijil Kemahiran Malaysia

(SKM) Tahap 1 dan Tahap 2 serta ke peringkat yang lebih tinggi. Pembelajaran dan pengajaran di PPKI membantu MBKMP menjadi modal insan yang berkemahiran dan berdikari bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Khas dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kemahiran vokasional oleh MBKMP merupakan satu isu *accessibility* seperti yang dinyatakan oleh Evers (1996) bagi menyatakan bahawa MBKMP ini perlu dilibatkan dengan akses, permintaan kepada struktur pembelajaran, sikap serta persediaan mengajar guru.

Menurut Kama (2012) Tranformasi Pendidikan Vokasional yang bermula pada tahun 2013 oleh Kementerian Pelajaran Malaysia merupakan satu titik tolak dalam suatu usaha bagi menyahut saranan kerajaan Malaysia yang berhasrat agar murid berkeperluan khas mampu menyumbang terhadap pembangunan negara dalam menuju ke arah negara maju menjelang tahun 2020.

Sehubungan dengan itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) telah menyenaraikan bagi Program Pendidikan Khas, KPM telah memperluas pendidikan khas dengan menambah dua buah Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) dengan jumlah kapasiti 750 tempat dan menawarkan 21 bidang kemahiran bagi murid bermasalah pendengaran dan pembelajaran. Kepentingan Kemahiran Vokasional diaplikasi oleh MBKMP amat penting bagi menyediakan mereka ke alam pekerjaan supaya mereka boleh hidup berdikari selaras dengan Falsafah Pendidikan Khas dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Penguasaan Kemahiran Vokasional yang diperolehi oleh MBKBP ini akan membantu pembelajaran mereka setelah mengikuti kursus SKM di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV), Politeknik, Kolej Komuniti dan Pusat Latihan Kemahiran yang lain.

## RUJUKAN

Anizam Mohamed Yusof, Manisah Mohd Ali & Amla Mohd Salleh. (2013). *Pendidikan Vokasional Pelajar Berkeperluan Khas Ke Arah Memenuhi Pasaran Pekerjaan*. Paper presented the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013, Penang, Malaysia. Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM (2016). Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas. [www.moe.gov.my/bpk](http://www.moe.gov.my/bpk) Atas talian pada 3 Disember 2016 Bahagian Pendidikan Khas, KPM. (2011). Permohonan Penempatan Murid Berkeperluan Khas Ke Tingkatan 4 Sekolah Menengah Pendidikan Khas.

Dimuat turun dari

[http://apps.moe.gov.my/jpkhas/permohonan/panduan\\_ting4.pdf](http://apps.moe.gov.my/jpkhas/permohonan/panduan_ting4.pdf) pada 7 November 2013.

- Evers, R.B. (1996). The Positive Force of Vocation Education : Transition Outcomes for Youth with Learning Disabilities. *Journal of Learning Disabilities*. Vol. 29: 89-78.
- Ibadan, T.P., & State, O. (2011). Entrepreneurship Education As A Strategy For National. *Journal of Research in Education and Society*, 2(2), 135-143.
- Kama bin Shaffeei (2012). Kajian Pelaksanaan Kemahiran Vokasional Terhadap Murid Bermasalah Pembelajaran Di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Sekolah Menengah Negeri Selangor. Prosiding Seminar Internasional Pasca Siswazah Pendidikan Khas UKM-UPI Siri II 2012. Muka Surat 209-225. Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). Program Buying Seat. Bahagian Pendidikan Khas. Atas Talian 7 Mei 2017. [www.moe.gov.my/v/bpkhas](http://www.moe.gov.my/v/bpkhas)
- McConkey, R. (1998). *Education For Life*. British Journal of Special Education, 25, 55-59. Mohd. Majid Konting (2005). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013- 2025. Atas Talian [www.moe.gov.my/pelan](http://www.moe.gov.my/pelan) pembangunan pendidikan malaysia 2013-2025, 22 3 Disember 2016. \ Peraturan-Peraturan Pendidikan Khas (2013). Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia. [www.IDEA.com](http://www.IDEA.com) atas talian 20 Oktober 2016.
- Zainuddin Mohd Isa (2008). Analisis Keperluan Kurikulum Kemahiran Vokasional Pelajar Bermasalah Pembelajaran Peringkat Menengah Di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah Pendidikan (Phd) Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zinaida Ariffin. (2009). *Kerjaya Untuk Orang Kurang Upaya*. PTS Professional Publishing Sdn.Bhd. Kuala Lumpur.